

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1 (2)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 02 TAHUN 2013**

Tarikh : 27 Februari 2013 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 01.00 tengah hari
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | Encik Jaber bin Ami | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Arumugam a/l Kalimuthu | - | " |
| 5. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 6. | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh | - | " |
| 7. | Encik Mohd Nasir bin Yusof | - | " |
| 8. | Puan Norhesni binti Ismail | - | " |
| 9. | Encik Ng Sze Han | - | " |
| 10. | Encik Sapiyan bin Mohd. Din | - | " |
| 11. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |

12.	Dr. Loi Kheng Min	-	"
13.	Encik Micheal Tamilarason a/l K. Nadaysen	-	"
14.	Encik Sufari bin Tinnin	-	"
15.	Encik Chong Hoon Ming	-	"
16.	Puan Azizan binti Jamaludin	-	"
17.	Encik Muzammil bin Hafiz	-	"
18.	Encik Chia Yew Ken	-	"
19.	Puan Sazana binti Isa	-	"
20.	Encik Chang Kim Loong, AMN	-	"
21.	Encik Cheah Sang Soon	-	"
22.	Encik Rajiv a/l Rishyakaran	-	"
23.	Encik Loka Ng Sai Kai	-	"
24.	Encik Michael Noel Jalleh	-	"

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Y. Bhg. Dato' Asmawi bin Kasbi
Yang Dipertua MPSJ

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Encik Mohd. Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd. Basar
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
3. Ir. Ismail bin Shafie
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
5. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
6. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
7. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
8. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Encik Norjafni Bin Zainuddin
Pengarah, Jabatan OSC
10. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Pelesenan
11. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Pengarah, Jabatan Bangunan
12. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
13. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

14. Encik Ahmad bin Hasan
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
15. Encik Zahiruddin bin Hashim
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
16. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
17. Puan Noraziah binti Ali
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
18. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
19. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
20. Encik Noorhafez bin Nordin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
21. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari
Timbalan Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
22. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
23. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
24. Tuan Haji Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
25. Encik Samzol bin Saat
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat
26. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Penolong Pengarah Kanan, Perpustakaan
27. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan

28. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
29. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
30. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
31. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
32. Puan Aziana binti Mohamad Aripin
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
33. Encik Muhammad Hafidz bin Hassan
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
34. Puan Rahimah binti Aisa @ Hassan
Penolong Pengarah, Perpustakaan
35. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
36. Cik Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
37. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
38. Encik Nurli Izwan bin Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
40. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
41. Encik Mohd Kamil bin Basir
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan

42. Mohd Farkhi bin Mohd Noor
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
43. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
44. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
45. Puan Marhaini Binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
46. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Bandar
47. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan
48. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
49. Encik Alias bin Miskon
Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Bandar
50. Dr. Ahmad Zulhizri bin Ahmad Suhaimi
Pegawai Veteriner, Jabatan Kesihatan
51. Diana binti Mohamed Daim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
52. Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan

URUSETIA

1. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Habibah binti Ab.Manap
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Muzammil bin Hafiz, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN Pengerusi

Tuan Pengerusi mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 02/2013 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 SURVEILLANCE AUDIT MS ISO 9001:2008 OLEH SIRIM

MPSJ telah menerima kunjungan **Auditor SIRIM QAS International Berhad** pada 18-19 Februari 2013 (Isnin dan Selasa) bagi melihat pencapaian dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti di MPSJ.

Surveillance Audit ini diadakan untuk melihat sama ada MPSJ layak untuk mengekalkan Pensijilan MS ISO 9001:2008 yang telah diterima pada 6 April 2012 yang lalu bagi tahun berikutnya.

Sukacita dimaklumkan MPSJ telah berjaya mengekalkan Pensijilan MS ISO 9001:2008 oleh pihak SIRIM QAS International Berhad tanpa syarat.

Saya turut berbesar hati berkongsi kejayaan MPSJ memperolehi pensijilan daripada SIRIM QAS International Berhad bagi 100% 'Core Business' Pihak Berkuasa Tempatan meliputi 6 Skop Pelaksanaan dan Prosedur-Prosedur Sokongan yang keseluruhannya 67 aktiviti.

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Jabatan, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ di atas pencapaian ini.

2.2 Lawatan Pemeriksaan Penggredan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2013

MPSJ telah menerima kunjungan Panel Pemeriksaan Penggredan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) pada 26 Februari 2013 (Selasa) untuk melihat pencapaian MPSJ dalam aspek pengurusan sepanjang tahun 2012 hingga kini.

Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada semua Ketua Jabatan, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam membuat persiapan dan persediaan MPSJ untuk menghadapi penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT).

Pihak Pengurusan mengharapkan semoga MPSJ akan berjaya memperolehi pengiktirafan **5 Bintang** bagi Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) daripada pihak KPKT pada tahun ini.

2.3 Program Kem Khidmat Seni MPSJ

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menganjurkan Program Kem Khidmat Seni MPSJ pada 23 – 24 Februari 2013 bertempat di SMK USJ 4, Subang Jaya. Program ini diadakan bagi memberi peluang kepada peserta mempelajari ilmu tentang asas-asas dalam bidang seni terutamanya untuk membina kecerdasan berfikir, membina kreativiti dan mengasah bakat dalam bidang kesenian dan kebudayaan. Ianya juga dapat memperkembangkan daya komunikasi dan interaksi melalui persembahan dan kesenian sebagai medium untuk berkarya dan menambahkan ilmu pengetahuan.

2.4 Program Kayuhan BES Hidup Sihat Selangor & MPSJ

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah menganjurkan Program Kayuhan BES Hidup Sihat Selangor & MPSJ pada 24 Februari 2013, jam 7.30 pagi bertempat di Kompleks Sukan MPSJ.

Program ini telah dirasmikan oleh Y.B. Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Adat Melayu, Belia Dan Sukan Negeri Selangor.

Program yang disertai oleh 170 orang peserta ini turut diserikan lagi dengan acara cabutan bertuah kepada peserta-peserta program yang menawarkan pelbagai hadiah-hadiah menarik, acara senamrobik dan taklimat pemakanan sihat.

Laluan kayuhan sejauh 36 km ini bermula di Kompleks Sukan MPSJ - Putra Heights – Giant Putra Heights - Bukit Lanchong – Kampung Tengah – Petronas Putra Heights – USJ 21 - Digital Mall USJ 19 - USJ 1 – Kompleks Sukan MPSJ, USJ 5.

2.5 Forum Air Untuk Rakyat Selangor Di MPSJ

Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan Forum Air untuk Rakyat Selangor di MPSJ pada 24 Februari 2013 (Ahad), jam 10.00 pagi bertempat di Dewan Kenanga, Aras 1, Bangunan MPSJ.

Forum ini telah disampaikan oleh Puan Faekah binti Hj. Husin, Setiausaha Politik Y.A.B Menteri Besar Selangor. Forum ini dihadiri oleh seramai 80 orang peserta yang terdiri daripada orang awam dan Warga Kerja MPSJ.

Pihak Majlis mengucapkan terima kasih kepada Warga Kerja MPSJ, tuan/puan dan semua peserta yang telah menghadiri program ini.

2.6 Sidang Media Krematorium MPSJ

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan mengadakan satu sidang media berkenaan Krematorium MPSJ pada 28 Februari 2013 (Khamis), jam 10.00 pagi bertempat di Tapak Krematorium MPSJ, Batu 14, Puchong.

2.7 Sambutan Tahun Baru Cina MPSJ 2013

Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat MPSJ pada tahun ini akan diadakan pada 01 Mac 2013 (Jumaat), jam 7.30 malam bertempat di Dewan Serbaguna MPSJ, Batu 14, Puchong.

Majlis ini akan dihadiri oleh Tetamu Kehormat **Y. B. Teresa Kok Suh Sim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan Negeri Selangor.**

2.8 Kejohanan Bola Jaring Terbuka MPSJ 2013

Penganjuran kejohanan sukan ini dilihat dapat membantu melahirkan dan mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan Bola Jaring terutama di kalangan golongan remaja dan belia wanita untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Ia juga secara tidak langsung dapat mencungkil bakat-bakat baru untuk menjadi pelapis kepada pemain-pemain Bola Jaring sedia ada.

Terdapat dua kategori pertandingan iaitu Kategori Terbuka dan Kategori Bawah 18 Tahun. Hadiah keseluruhan wang tunai adalah berjumlah RM 8,000.00 telah disediakan oleh pihak penganjur. Program ini akan diadakan pada 2 - 3 Mac 2013 (Sabtu & Ahad) bertempat di Kompleks Sukan MPSJ, USJ 5, Subang Jaya dengan rakan penaja Tune Talks dan Astro Arena.

Borang-borang penyertaan boleh di dapati dengan melayari Laman Web MPSJ : www.mpsj.gov.my

2.9 Lawatan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menerima lawatan kerja daripada Y. Bhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman, **Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)** pada 08 Mac 2013 (Jumaat), jam 8.00 pagi – 12.00 tengah hari bertempat di Bilik Jebat, Kompleks 3C, Jalan PJS 11/2, Bandar Sunway.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk melihat secara lebih dekat lagi segala aktiviti yang dijalankan di Kompleks 3C, MPSJ yang merangkumi:

- i) Pusat Perkembangan Kanak-Kanak
- ii) Perpustakaan Hipermedia
- iii) Operator (Gold & Kelabu TV)
- iv) Galeri Seni

Pihak Majlis amat berbesar hati dan mengalu-alukan kunjungan Y. Bhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman, **Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)** ke MPSJ.

2.10 Laporan Demam Denggi

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 7 (iaitu sehingga 16 Februari 2013) adalah sebanyak 131 kes dilaporkan dan sebanyak 74 kes disahkan positif. Buat masa ini tiada kawasan 'hotspots' denggi di kawasan pentadbiran MPSJ.

Pada 21 Februari 2013, satu operasi khas telah diadakan di sepanjang laluan tapak pembinaan projek LRT Subang Jaya iaitu bermula di USJ 2/Bangunan The Summit USJ hingga ke kawasan USJ 21.

Operasi ini turut disertai oleh pegawai dan kakitangan PKD Petaling. Hasil pemeriksaan, sebanyak 9 tempat pembiakan telah ditemui. Tempat-tempat pembiakan yang dikenalpasti adalah di dalam kon (3), plate besi (2), new jersey barrier (1), plastik NJB (1), bekas bateri lama (1) dan lopak air.

Sehubungan dengan itu, semua pemaju tapak-tapak pembinaan hendaklah memastikan tapak-tapak pembinaan mereka bebas daripada tempat pembiakan aedes dengan melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan secara berkala.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 01/2013 BERTARIKH 30 JANUARI 2013.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 01/2013 bertarikh 30 Januari 2013 telah disahkan dengan pindaan seperti berikut:

Mesyuarat telah bersetuju bahawa pertanyaan dalam ucapan penangguhan Encik Chang Kim Loong perlulah diminitkan dan pihak Majlis hendaklah memberikan maklumbalas berkaitan isu yang dikemukakan (seperti di lampiran).

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 Krematorium MPSJ

Encik Loka Ng Sai Kai mengucapkan syabas di atas pembinaan Krematorium MPSJ. Beliau ingin tahu status terkini bila Krematorium tersebut akan beroperasi sepenuhnya.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

4.2 Projek Pembinaan LRT (Prasarana)

Encik Rajiv a/l Rishyakaran memohon supaya kiosk pameran dan informasi LRT 'Project Information Centre' yang disediakan oleh pihak Syarikat Prasarana Negara Berhad turut dilengkapi dengan maklumat pelan jajaran laluan lencongan bagi jalan-jalan yang terlibat dengan pembinaan tersebut.

Tindakan : Jabatan Perancangan Korporat

4.3 Kesesakan Trafik Di Hadapan Sekolah Sri Kuala Lumpur

4.3.1 Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh memohon pihak Majlis mengaturkan satu pertemuan bersama pihak Polis dan pihak pengurusan Sekolah Sri Kuala Lumpur bagi mencari jalan penyelesaian berkaitan masalah kesesakan trafik di hadapan Sekolah Sri Kuala Lumpur, SS15 Subang Jaya.

4.3.2 Beliau juga memohon penjelasan lanjut berkenaan status terkini cadangan pembinaan 'Basement Carpark' di Sekolah Sri Kuala Lumpur.

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan /
Jabatan Penguatkuasaan**

4.4 Pemantauan Sungai Klang

Encik Muzammil bin Hafiz ingin tahu Jabatan manakah di MPSJ yang bertanggungjawab sepenuhnya bagi memantau semua urusan berkaitan Sungai Klang.

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

4.5 Air Kumbahan Indah Water Konsortium 'IWK'

Encik Ng Sze Han memohon penjelasan adakah syarat-syarat tidak membenarkan air kumbahan Indah Water Konsortium 'IWK' mengalir masuk ke kawasan tasik di semua kawasan pembangunan di MPSJ telah dikuatkuasakan oleh MPSJ.

Tindakan : Jabatan Perancang Bandar

4.6 Kajian Menyeluruh Traffic Impact Assessment 'TIA'

4.6.1 Encik Chang Kim Loong memohon supaya pihak Majlis mengadakan kajian secara keseluruhan bagi traffic impact assessment 'TIA' di kawasan Puchong terutamanya di kawasan Bandar Puteri dan Bandar Wawasan yang telah mengalami kesesakan lalulintas yang sangat teruk pada masa ini. Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis menyediakan pelan pembangunan terancang yang meliputi keseluruhan kawasan MPSJ bagi menangani isu seumpama ini.

4.6.2 Beliau turut memohon penjelasan berkenaan status terkini kajian 'TIA' di kawasan Subang Jaya dan seterusnya ingin tahu bilakah kajian 'TIA' akan dilaksanakan di kawasan Puchong.

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

5.0 KERTAS KERJA PEMBATALAN UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL (MPSJ) 2007, UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN (MPSJ) 2007, UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT SUKAN PERSENDIRIAN (MPSJ) 2007, UNDANG-UNDANG KECIL KOLAM RENANG (MPSJ) 2007 DAN PEWARTAAN UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL (MPSJ) 2013, UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN (MPSJ) 2013, UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT SUKAN PERSENDIRIAN (MPSJ) 2013, UNDANG-UNDANG KECIL KOLAM RENANG (MPSJ) 2013.

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju meluluskan dengan syarat** untuk diberikan tempoh dua minggu kepada Ahli Majlis untuk meneliti dan mengemukakan pandangan berhubung kertas kerja ini.

Tindakan : Jabatan Undang-Undang

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA**6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 03/2013 Bertarikh 05 Februari 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 04/2013 Bertarikh 20 Februari 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.5 m.s 23 dan para 4.6 m.s 24	En. Arumugam a/l Kalimuthu	The One Academy Of Communication Design Sdn. Bhd.	Beliau meminta supaya pihak Majlis merujuk dan mengkaji semula syarat-syarat teknikal dan akujanji yang telah dipersetujui oleh pihak The One Academy Of Communication Design Sdn. Bhd. sebelum diberikan sesuatu kelulusan baru/pindaan ke atas permohonan kebenaran

				<p>merancang yang dikemukakan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa perkara ini hendaklah diberikan perhatian yang sewajarnya dengan membuat semakan terlebih dahulu terhadap sesuatu permohonan yang mempunyai syarat-syarat atau akujanji yang pernah ditetapkan oleh pihak Majlis.</p> <p>Pihak pemaju hendaklah mematuhi syarat-syarat terdahulu seperti yang telah disyaratkan oleh Jabatan Teknikal terlibat.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 02/2013 Bertarikh 06 Februari 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **berseutu menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 2 (b) (vi) m.s 6	En. Rajiv a/l Rishyakaran	Papan Tanda 'Notis Peringatan' Penutupan Kemudahan Lampu Taman/ Lampu Limpah	Beliau memohon supaya perkara ini dikaji semula dan dibincangkan secara terperinci dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan yang akan datang agar pendekatan yang lebih menyeluruh dapat dicapai sebelum cadangan ini dilaksanakan. <u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan ini dan meminta perkara ini dirujuk semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan yang akan datang.
2	para 4.4 m.s 10	En. Arumugam a/l Kalimuthu	Ujian 'Coring Test'	Beliau meminta pihak Majlis untuk mengaturkan pemeriksaan terhadap ujian 'Coring Test' bersama Bahagian

				<p>Audit Dalam dan Ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat bagi semua projek penurapan jalan untuk menguji dan mengesahkan tahap ketebalan (thickness) turapan jalan yang telah dibuat oleh pihak kontraktor.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan terlibat untuk mengadakan mesyuarat bagi membincangkan lebih lanjut berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 02/2013 Bertarikh 08 Februari 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 8.2.5 m.s 21	En. Tai Cheng Heng	'Timing' Lampu Isyarat Di Persimpangan Pusat Perdagangan Seri Kembangan	<p>Beliau memohon supaya 'timing' lampu isyarat di persimpangan Jalan PSK, Pusat Perdagangan Seri Kembangan dikaji semula kerana telah menyebabkan kesesakan jalanraya.</p> <p>Beliau meminta supaya pihak Majlis mengemukakan surat kepada pihak Jabatan Kerja Raya bagi mendapatkan maklumbalas berhubung perkara ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta Jabatan Kejuruteraan mengambil tindakan segera berhubung perkara ini.</p>

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 02/2013 Bertarikh 14 Februari 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.1 & 4.2 m.s 6	En. Pooi Weng Keong	Laporan Bahagian Perkhidmatan Bandar dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kebersihan	Beliau memohon supaya Laporan Bahagian Perkhidmatan Bandar dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kebersihan dimasukkan sebagai lampiran di dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar sebagai rujukan untuk Ahli Majlis. <u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta Jabatan terlibat mengambil maklum mengenai perkara ini.

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 02/2013 Bertarikh 15 Februari 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 7.4 m.s 22	Puan Norhesni binti Ismail	Persempadanan Zon JKP 2013	<p><u>Tambahan Minit :</u> Beliau memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan telah bersetuju supaya kawasan Desa Millennia dimasukkan dalam JKP Zon 13.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta Jabatan terlibat mengambil maklum mengenai perkara ini.</p>

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 02/2013 Bertarikh 20 Februari 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.12 m.s 12	En. Arumugam a/l Kalimuthu	Cadangan Mengenakan Potongan Denda Kepada Kontraktor / Pembekal Yang Lewat Mengemukakan Tuntutan	Beliau memohon agar pihak Majlis mengkaji semula keputusan berhubung cadangan ini dan meminta perkara ini dirujuk semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan yang akan datang. <u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta Jabatan terlibat mengambil maklum mengenai perkara ini.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 02/2013 Bertarikh 21 Februari 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.1 m.s 3	Dr. Loi Kheng Min	Billboard Atas Jejantas Di Hadapan Sekolah Wawasan USJ 14	<p><u>Pindaan Minit :</u></p> <p>Beliau memaklumkan lokasi sebenar billboard di atas jejantas adalah di 'Persiaran Kewajipan di hadapan Sekolah Wawasan USJ 14, Subang Jaya' bukannya 'Persiaran Kemajuan di hadapan Sekolah Wawasan SS 19, Subang Jaya'.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi meminta Jabatan Pelesenan mengambil maklum mengenai perkara ini.</p>

Tindakan : Jabatan Pelesenan

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 01/2013 Bertarikh 25 Februari 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.1 m.s 4	En. Rajiv a/l Rishyakaran	Laporan Pemantauan Keselamatan CCTV MPSJ	Beliau meminta supaya keutamaan dalam pemantauan keselamatan CCTV MPSJ dikhususkan kepada isu-isu yang lebih penting dan serius seperti masalah mesin judi haram dan isu-isu berkaitan gejala sosial di kawasan pentadbiran MPSJ. <u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan ini dan meminta keutamaan dalam pemantauan keselamatan CCTV MPSJ diberikan kepada perkara yang lebih utama dan serius.

Tindakan : Jabatan Teknologi Maklumat

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 7.1 Pengerusi Majlis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 01.00 tengah hari.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(JABERI BIN AMI)
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Tarikh :